

EDISI PERTAMA

AL RASHID

MAJALAH PERGIGIAN ISLAMIK DENTAL PAPISMA

**Ubat gigi pemutih:
Adakah ianya berkesan & selamat?**

5 fakta menarik gigi susu

**Soal Jawab
Puasa &
Rawatan
Pergigian**



AL-ASNAN

KANDUNGAN

6

**UBAT GIGI PEMUTIH
ISU SEMASA**

14

**DR SHAHID IZANI
IKON GIGI PAPISMA**



2

SIDANG EDITOR

3

BICARA KETUA EDITOR

4

UCAPAN PRESIDEN PAPISMA

5

UCAPAN PENGERUSI DENTAL PAPISMA

9

**SOAL JAWAB PUASA
DAN RAWATAN PERGIGIAN**

13

**SUMBANGAN SARJANA ISLAM
DALAM BIDANG PERGIGIAN: AR RAZI**

15

AKTIVITI DENTAL PAPISMA

18

**INFO MENARIK:
5 FAKTA MENARIK GIGI SUSU**

19

IKLAN

SIDANG EDITOR

Ketua Editor:

Prof Madya Dr Aspalilah Alias



Timbalan Ketua Editor:

Dr Jannatul Madiah Abu Bakar

Editor Isi Kandungan:

Dr Muhamad Rafiqi Hehsan

Dr Shahrul Ghazali

Dr Asmaa' Ahmad Jafree

Dr Mardziah Mohamad

Dr Najibah Mohammad Kazmin

Dr Nurin Nadia Ngatiman



Reka Bentuk:

Dr Saznida Ahmad

Dr Ayu Sakinah Arifin



Penerbit:

Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA)

No 3B, Jalan SG 3/16, Pusat Bandar Sri Gombak, 68100 Batu Vaves, Selangor Darul Ehsan



Majalah Al-Asnan

Majalah Pergigian Islamik Dental PAPISMA

Keluaran Dwitahunan/Terbitan Pertama 2023

Hak Cipta © 2023 Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA)

Seluruh hak cipta dilindungi. Dilarang menyalin, mengubah, menyebarluaskan atau menproduksi sebagian atau seluruh bahagian dari karya ini tanpa izin tertulis dari pemilik hak cipta.



BICARA KETUA EDITOR

Alhamdulilah bersyukur kita kepada Ilahi kerana dengan limpah kurnia, ruang masa dan kesempatan serta nikmat kesihatan daripada-Nya, akhirnya terhasil juga Edisi Pertama Al-Asnan: Majalah Pergigian Islamik Dental PAPISMA. Al-Asnan merupakan Majalah Pergigian Islamik Pertama di Malaysia yang menggabungkan ilmu pergigian dan ilmu Islam. Al-Asnan dibangunkan bagi memenuhi kelompongan ilmu dalam kalangan pengamal pergigian dan masyarakat bagi membincangkan tentang masalah tentang pergigian dan sudut pandangan Islam. Al-Asnan berasal dari perkataan bahasa Arab bermaksud gigi. Banyak hadith Nabi Muhammad SAW yang menyebut tentang kepentingan menjaga gigi dalam kehidupan. Al-Asnan akan menjadi salah satu platform atau medium bagi membincangkan isu semasa berkaitan dengan masalah pergigian seperti rawatan pergigian dan isu yang berkaitan kesihatan gigi.

Dewasa ini, terlalu banyak masalah berlaku dalam kalangan masyarakat berkaitan rawatan pergigian yang jarang diperkatakan dan dibincangkan secara ilmiah. Diharapkan dengan terbitnya majalah ini dapat membuka mata, memberi ruang serta peluang bagi masyarakat mendalamai dan menghayati kesihatan gigi yang merupakan salah satu anggota badan yang perlu dijaga. Terima kasih dan tahniah kepada Dr. Shahrul Ghazali, Pengurus EXCO Dental PAPISMA, ahli jawatankuasa dan ahli Dental PAPISMA serta barisan editor yang bertungkus lumus dalam menjayakan majalah ini. Tidak lupa juga kepada para penulis, pengkaji, penganalisis serta pihak lain yang terlibat dalam penulisan di dalam majalah ini sama ada secara langsung maupun tidak.

Memandangkan Edisi Ramadhan Majalah Al-Asnan ini merupakan keluaran sulung, kami mengharapkan agar ia menepati kehendak dan memenuhi keperluan para pembaca. Bahan dan rujukan diperoleh daripada pelbagai sumber meliputi sumber jurnal, buku ilmiah, internet dan lain-lain. Ruangan Ikon Pergigian turut disediakan dalam setiap keluaran sebagai inspirasi kepada semua. Semoga Al-Asnan menjadi salah satu wadah utama perkongsian ilmu kepada masyarakat terutamanya dalam bidang pergigian. Allah SWT juga akan mengangkat orang-orang yang berilmu dengan beberapa darjat berdasarkan firman-Nya:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ ذَرَجَاتٍ

Maksudnya: "Supaya Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjat". [al-Mujadalah:11]

Semoga segala perkongsian yang terdapat di dalam majalah ini dapat dimanfaatkan bersama. Saya menyeru diri saya sendiri dan para pembaca untuk sentiasa menimba ilmu yang menjadi tuntutan dalam agama Islam.

Akhir kata, selamat menyambut bulan Ramadhan Al-Mubarak dan Selamat Hari Raya Aidilfitri. Maaf Zahir Batin. Semoga Allah SWT mengampunkan dosa kita dan sentiasa merahmati serta memberkati kehidupan kita.

Prof Madya Dr Aspalilah Alias
Ketua Editor
Majalah Al-Asnan
Majalah Pergigian Islamik Dental PAPISMA



UCAPAN PRESIDEN PAPISMA



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

PAPISMA merupakan sebuah NGO kesihatan yang sudah bertapak lebih daripada 20 tahun di Malaysia. PAPISMA adalah sebuah organisasi yang melahirkan tenaga kesihatan yang bermotivasi tinggi dan lengkap dengan kemahiran professional, yang berupaya beramal dalam bidang kesihatan dan perubatan secara menyeluruh. PAPISMA berhasrat menjadikan organisasi ini peneraju profesi perubatan dan kesihatan yang boleh mengubah Malaysia ke arah lebih sejahtera.

Pergigian merupakan salah satu disiplin kesihatan dalam PAPISMA dan penghasilan majalah sulung pergigian ini menunjukkan komitmen PAPISMA untuk terus menyumbang ilmu kepada dunia perubatan dan kesihatan.

Saya berharap Majalah Al-Asnan ini akan dapat memberi manfaat kepada pembaca dan membantu meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kesihatan gigi dan mulut. Selain itu, majalah ini juga diharap akan dapat menjadi rujukan dan panduan berguna bagi mereka yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang masalah-masalah pergigian dan cara-cara untuk mengatasinya.

Sekian, terima kasih dan selamat membaca!

Dato Dr Suhaini Bin Kadiman
Presiden PAPISMA




UCAPAN PENGERUSI EXCO DENTAL PAPISMA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk memberikan ucapan aluan untuk Al-Asnan: Majalah Pergigian Islamik Dental PAPISMA iaitu majalah pergigian pertama terbitan PAPISMA di bawah EXCO Dental PAPISMA. Saya berasa amat teruja dengan penerbitan ini kerana majalah Al-Asnan merupakan pelopor majalah pergigian dan kesihatan pergigian yang turut merangkumi konteks Islam.

Dengan terbitnya majalah ini, diharap memberi manfaat dan inspirasi kepada pembaca yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuklah pelajar, profesional pergigian serta mana-mana individu yang ingin mempelajari aspek pergigian dari sudut pandangan Islam.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada PAPISMA, EXCO Dental PAPISMA, barisan editor termasuk editor reka bentuk, penulis dan penyumbang artikel yang telah bekerja keras untuk menjadikan penerbitan ini berjaya dengan gemilangnya. Saya juga ingin berterima kasih kepada pihak pengurusan dan penyelenggaraan majalah atas usaha mereka dalam memastikan segala aspek berkaitan penerbitan ini berjalan lancar.



Besar harapan saya agar semua ahli Dental PAPISMA turut sama-sama istiqamah dalam menghasilkan karya yang bermanfaat untuk semua bagi meneruskan penerbitan Al-Asnan ini. Semoga pengorbanan yang sedikit ini diterima oleh Allah SWT sebagai amal jariah yang berkekalan, insya-Allah.

Sekali lagi, terima kasih dan selamat membaca!
Wassalam.

Dr Shahrul Ghazali
Pengerusi Exco Dental PAPISMA
Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia

UBAT GIGI PEMUTIH “ADAKAH IANYA BERKESAN DAN SELAMAT?”

“Doktor, bolehkah saya membeli ubat gigi pemutih yang dijual di aplikasi dalam talian?”

“Doktor, adakah ubat gigi pemutih yang di jual di pasaran itu berkesan?”

Oleh: Dr Najibah Kazmin

Ini adalah antara soalan yang kerap diajukan oleh peserta dalam sesi ceramah kesihatan pergigian. Masing-masing tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan petua daripada doktor gigi bagi mendapatkan senyuman yang putih menawan.

Kenali Warna Lapisan Gigi Anda

Secara umumnya, warna lapisan dalaman gigi yang dikenali sebagai dentin adalah lebih kuning berbanding lapisan luar yang lebih cerah dan telus cahaya iaitu enamel. Ada pula individu yang mempunyai genetik warna dentin yang lebih kekuningan berbanding individu lain. Perkara ini bukanlah sejenis penyakit atau kotoran yang perlu dibersihkan.

Namun, sekiranya ia mengganggu prestasi dan keyakinan anda, ada rawatan yang boleh dilakukan dengan selamat bagi mencerahkan gigi anda.

Selain genetik, terdapat perubahan warna yang boleh berlaku kepada gigi akibat beberapa faktor yang dikenali sebagai perubahan warna luaran (ekstrinsik) dan perubahan warna dalaman (intrinsik).

Apakah Perubahan Warna Luaran (Ekstrinsik)?

Perubahan warna pada luaran gigi berlaku apabila bahan pewarna daripada makanan dan minuman menempel di lapisan gigi lalu menyebabkan kesan kotor atau stain pada gigi. Antara jenis makanan dan minuman yang menyumbang kepada stain gigi adalah kopi, teh, wain merah, kunyit dan pewarna serbuk kari.

Selain itu, tar, nikotin dan tembakau yang terenap di lapisan luar gigi juga boleh menyebabkan gigi bertukar warna menjadi

coklat dan kelihatan berkarat.

Jika dibiarkan dengan lebih lama, kotoran ini boleh meresap ke lapisan dalam gigi menerusi rekahan mikro, lalu mengakibatkan perubahan warna dalaman (intrinsik).

Perubahan warna luaran dapat dibersihkan melalui prosedur cucian gigi dan gilapan pada lapisan luar. Ubat gigi pemutih dan produk pemutihan gigi yang selamat juga boleh digunakan.

ISU SEMASA

UBAT GIGI PEMUTIH

“ADAKAH IANYA BERKESAN DAN SELAMAT?”

Apakah Perubahan Warna Dalaman (Intrinsik)?

Perubahan warna dalaman biasanya berlaku pada lapisan kedua gigi dan tidak dapat dihilangkan melalui prosedur cucian gigi mahupun penggunaan ubat gigi pemutih.

Hal ini kerana, ubat gigi pemutih hanya boleh menghakis kesan kotoran pada lapisan luar sahaja dan tidak dapat meresap ke lapisan dalam gigi untuk memutihkan gigi dengan berkesan.

Rawatan pemutihan gigi secara profesional yang dilakukan di klinik perggigian boleh membantu mencerahkan lapisan dalam gigi.

Antara penyebab perubahan warna dalaman gigi adalah trauma yang menyebabkan gigi mati, penuaan dan genetik. Selain itu, penggunaan antibiotik jenis tetracycline oleh ibu mengandung boleh memberi kesan kepada pembentukan gigi janin yang dikandung.

Keberkesanan Ubat Gigi Pemutih

Keberkesanan ubat gigi pemutih bergantung kepada bahan aktif yang ada di dalamnya iaitu:-

- Bahan pelelas (*abrasive*) khas untuk gigi yang boleh menghakis sisa kotoran pada permukaan gigi.
- Bahan kimia jenis peroksid yang mengurai molekul sisa kotoran pada permukaan gigi.

Sesetengah ubat gigi pemutih mengandungi bahan kimia jenis *covarine blue* yang akan melekat pada permukaan gigi, sekaligus memberi ilusi cerah pada gigi.

Walaubagaimanapun, ubat gigi pemutih tidak dapat mencerahkan gigi akibat sisa kotoran yang telah meresap ke lapisan dalam gigi.

Ubat gigi pemutih juga tidak dapat mengubah warna asal lapisan dalam gigi yang kekuningan atas faktor genetik dan penuaan.



Contoh hasil rawatan pemutihan profesional bagi mencerahkan lapisan dalam gigi

Sumber: Instagram *imandentalclinic.segambut*

ISU SEMASA

UBAT GIGI PEMUTIH

“ADAKAH IANYA BERKESAN DAN SELAMAT?”

Adakah Ubat Gigi Pemutih Selamat Digunakan?

Di pasaran, terdapat pelbagai jenis ubat gigi pemutih yang mengandungi tahap kekasaran bahan pelepas yang berbeza. Ianya dikenali sebagai skala *Relative Dentine Abrasivity* (RDA).

Produk yang selamat dan mendapat kelulusan American Dental Association (ADA) hendaklah merekodkan skala RDA di bawah 250. Ubat gigi pemutih yang berskala RDA melebihi 250 mempunyai risiko untuk menghakis permukaan gigi dan merosakkan gigi. Jika ragu, anda boleh menghubungi pengeluar untuk mendapatkan hasil kajian makmal bagi produk keluaran mereka.

Disebabkan ubat pemutih gigi mengandungi bahan menghakis, individu yang mempunyai gigi sensitif dinasihatkan untuk tidak menggunakan ubat gigi pemutih kerana boleh menyebabkan gejala sensitiviti menjadi lebih teruk.

Sekiranya anda sedang mencari ubat gigi pemutih, adalah lebih baik untuk mendapatkannya di farmasi berdaftar. Elakkan membeli daripada platform dalam talian kerana tiada pemantauan daripada pihak berwajib bagi menilai keselamatan produk.

Berapa Lama Tempoh Masa Yang Diperlukan Untuk Memutihkan Gigi?

Tempoh yang diambil untuk memutihkan gigi menggunakan ubat gigi pemutih bergantung kepada bahan aktif yang terdapat di dalam produk tersebut. Contohnya, ubat gigi pemutih yang mengandungi hidrogen peroksida dapat menunjukkan hasil yang lebih cepat berbanding ubat gigi pemutih yang hanya mengandungi bahan penghakis luaran gigi.

Keinginan untuk mendapatkan senyuman yang sihat dan sempurna adalah impian setiap individu.

Seeloknya, dapatkan nasihat daripada pegawai pergigian berdaftar untuk pilihan rawatan pemutihan gigi yang paling sesuai dengan keadaan gigi anda. Ada kemungkinan anda memerlukan rawatan pemutihan profesional di klinik pergigian bagi mendapatkan hasil pemutihan yang berkesan berbanding penggunaan ubat gigi pemutih di pasaran semata-mata.



SOAL JAWAB PUASA DAN RAWATAN PERGIGIAN

Oleh: Dr Muhamad Rafiqi Hehsan

Dalam konteks penjagaan dan rawatan mulut dan gigi, rongga mulut menjadi tumpuan dalam perbincangan ini. Rongga mulut itu terbahagi kepada:

Had zahir mulut: tempat keluar (makhraj) sebutan huruf (‘خ’ ha muhmalah) hingga ke atas mulut termasuk makhraj huruf (‘خ’ ‘Kha mu’jamah).

Had batin mulut: tempat keluar (makhraj) sebutan huruf ‘ء’ (hamzah) atau ‘ء’ (ha marbuthah) hingga ke bawah (kerongkong).

Perkara yang dikatakan membatalkan puasa itu ialah apabila sampai sesuatu yang dimasukkan ke dalam mulut sehingga ke had batin iaitu tempat keluar (makhraj) sebutan huruf huruf ‘ء’ (hamzah) atau ‘ء’ (ha marbuthah) hingga ke bawah (kerongkong).



S: Adakah membuat rawatan gigi akan membatalkan puasa?

J: Persidangan Majma' Fiqh Islami ke-10 diadakan pada 23 hingga 28 Safar 1418H di Jeddah, Arab Saudi dan Keputusan Seminar Fekah Perubatan ke-9 yang diadakan di Casablanca, Morrocco, 8-11 Safar 1418 bersamaan 14-17 Jun 1997 menggariskan satu kesepakatan yang tidak bertentangan dengan hukum syarak rawatan pergigian seperti tampalan gigi, cabutan gigi, pencucian gigi, menggosok atau memberus gigi dengan siwak atau berus gigi, atau rawatan gigi yang lain sekiranya jauh daripada tertelan bahan tersebut ke dalam hukum (iaitu tidak melebihi had batin).

S: Adakah batal puasa sekiranya menggunakan tali atau benang floss selesai makan?

J: Tali atau benang floss digunakan untuk menyingkirkan atau membuang plak dan sisa-sisa makanan yang melekat di celah-celah gigi. Jika penjagaan gigi itu hanya melibatkan had zahir atau tidak sampai kepada had batin, maka puasa seseorang itu adalah sah dan tidak terbatal.

S: Adakah batal puasa sekiranya mengalami gusi berdarah semasa memberus gigi dan seterusnya tertelan darah tersebut?

J: Menelan air liur yang bersih dan tidak bercampur dengan najis atau benda asing tidak membatakan puasa.

Jika air liur itu bercampur dengan najis seperti darah atau benda asing yang suci, maka puasa seseorang itu menjadi batal.

Sebagai contoh, dengan sengaja menelan air liur yang bercampur dengan benda asing di dalam mulut yang belum dibersihkan maka puasa seseorang itu menjadi batal.

Jika sekiranya air liur yang bercampur dengan benda asing itu masuk ke had batin mulut tanpa disengajakan dan sukar untuk diasingkan serta diludahkan kerana ia bukan dikira sebagai kecuaian, maka puasa seseorang itu sah dan tidak batal.



S: Bagaimana pula dengan aplikasi Alvogyl, gel atau lozenges topikal pada gigi semasa puasa?

J: Penempatan Alvogyl atau bahan serupa di kawasan setempat sering digunakan dalam rawatan soket kering. Ianya boleh dilakukan pada bulan Ramadan.

Pengaplikasian gel dan lozenges intra-oral biasa dilakukan terutamanya di tempat adanya luka atau ulcer, sariawan mulut, dan stomatitis gigi. Sekiranya ini digunakan pada waktu berpuasa, ia akan membatakan puasa. Oleh itu, penggunaan ubat-ubatan ini disyorkan untuk menjadualkannya selepas waktu berpuasa.

S: Biasanya doktor akan memasang jahitan pada gusi selepas pembedahan gusi, adakah dibolehkan semasa berpuasa?

J: Secara kebiasaan memasang jahitan dilakukan selepas pembedahan gusi. Memasang jahitan pada gusi selepas pembedahan gusi tidak membatakan puasa.



S: Bagaimana pula dengan rawatan pembedahan mulut (Oral Surgery) semasa pesakit berpuasa?

J: Pembedahan mulut dilakukan untuk mengeluarkan gigi (sisa gigi, atau lesion) yang terbenam di dalam rahang. Ianya memerlukan suntikan bius setempat (local anaesthetic) pada gusi, mengerat sedikit gusi, membuang sedikit tulang rahang jika diperlukan dan seterusnya mengeluarkan gigi (sisa gigi atau lesion) yang terbenam di dalam rahang. Seterusnya, gusi akan dijahit ke tempat asal dan pendarahan akan dikawal.

Seperti biasanya, rawatan pembedahan gigi minor ini menggunakan air dan akan menyebabkan pendarahan. Menjalani rawatan pembedahan pergigian bius setempat tidak membatalkan puasa kerana suntikan itu tidak melalui rongga yang terbuka walaupun terasa kesan suntikan pada kerongkong disebabkan ia menyerap masuk melalui liang pori atau isi gusi.

S: Kadangkala perlu untuk diambil acuan atau calak gigi semasa menjalani rawatan implan, gigi palsu, korona dan jambatan gigi, adakah dibolehkan ketika berpuasa?

J: Proses rawatan implan, gigi palsu, korona dan jambatan gigi memerlukan acuan atau calak gigi diambil untuk memudahkan juruteknik pergigian membuat gigi gantian di makmal pergigian.

Pengambilan calak memerlukan bahan yang asalnya separa cair dimasukkan ke dalam mulut menggunakan alat mengambil calak. Setelah bahan ini mengeras, ianya akan dikeluarkan dari mulut pesakit. Prosedur ini boleh menyebabkan segelintir pesakit menjadi mual dan muntah. Mengambil acuan atau calak gigi semasa menjalani rawatan implan, gigi palsu, korona dan jambatan gigi tidak membatalkan puasa akan tetapi jika cecair yang dimasukkan ke dalam mulut ditelan dengan sengaja, maka puasa seseorang itu menjadi batal.

Jika tidak menelannya maka tidak batal puasanya. Akan tetapi jika pesakit termuntah akibat daripadanya maka tidak batal puasanya kerana muntah yang tidak disengajakan.

S: Bagaimana pula dengan suntikan ubat semasa prosedur dijalankan?

J: **1. Suntikan setempat (*Local Anaesthetic*)**

Ini adalah bentuk rawatan yang sesuai bagi pesakit yang berpuasa. Rawatan pergigian ini tidak membatalkan puasa. Ini adalah kerana suntikan itu tidak melalui dan tidak sampai kepada rongga yang terbuka walaupun terasa kesan suntikan pada kerongkong disebabkan ia menyerap masuk melalui liang pori atau isi gusi.

2. Sapuan Krim Kebas (*Topical Anaesthetic*)

Krim kebas (adakalanya berperisa) diperlukan sebelum suntikan bius setempat untuk mengurangkan kesakitan jarum suntikan. Jika rawatan sapuan krim kebas hanya melibatkan had zahir atau tidak sampai kepada had batin, maka puasa seseorang itu adalah sah dan tidak batal. Akan tetapi jika sengaja menelan air liur yang bercampur dengan krim kebas maka batal puasa seseorang itu dan sebaliknya jika tanpa disengajakan maka puasa seseorang itu sah dan tidak batal.

3. Suntikan *intramuscular* (otot) dan *intravena* (salur darah)

Suntikan intramuskular dan intravena secara amnya dibenarkan. Contoh bagi rawatan pergigian seperti suntikan antibiotik yang diberikan melalui intravena dan ubat tahan sakit yang diberikan secara intramuscular.



KESIMPULAN

Hukum dalam Islam ada yang bersikap anjal dan memenuhi kehendak atau keperluan umatnya. Adalah dinasihatkan pesakit untuk membuat rawatan awal sebelum memasuki bulan yang mulia Ramadan, atau boleh melakukan rawatan ketika waktu malam diluar waktu yang diwajibkan berpuasa. Semoga puasa kita diberikan ganjaran besar oleh Allah SWT, disamping menjaga batasan syariat yang dibenarkan.

Rujukan:

1. Q & A Fiqh Perubatan (2015). PTS Publishing House Sdn. Bhd.
2. Gigi Anakku Sihat (2022). PAPISMA.

ARRAZI

Abu Baker Muhammad Ibn Zakaria Ar Razi

Oleh : Prof Madya Dr Aspalilah Alias

Ar Razi mahir dalam pelbagai bidang ilmu. Ar Razi dilahirkan di Tehran, Iran, pada tahun 865 Masihi. Beliau sangat meminati bidang muzik. Beliau kemudian mula belajar bidang kimia dan falsafah. Pada usia tiga puluh tahun, beliau menghentikan kerja dan eksperimennya dalam alkimia kerana kerengsaan mata oleh sebatian kimia yang terdedah kepada danya. Antara penemuannya dalam alkimia, beliau dikreditkan dengan pertemuan asid sulfurik dan etanol.

Gurunya dalam bidang perubatan ialah Ali Ibn Sahl Rabban al-Tabari, seorang doktor dan ahli falsafah yang dilahirkan oleh keluarga Yahudi di Merv, Tabaristan Iran. Ibn Rabban memeluk Islam semasa pemerintahan Khalifah Abbasiyyah Al-Mu'tasim yang membawanya ke dalam perkhidmatan mahkamah, di mana beliau terus berada di bawah Khalifah Al-Mutawakkil. Al-Razi belajar perubatan dan mungkin juga falsafah dengan Ibn Rabban. Ar Razi dengan cepat melepas gurunya, dan menjadi seorang doktor terkenal.

Pada mulanya bidang pergigian bermula daripada Perubatan Islam dengan doktor perubatan Yunani. Abu Baker Muhammad Ibn Zakaria Ar Razi atau dikenali sebagai Ar Razi, yang aktif di Baghdad pada awal abad ke-10 dikatakan merupakan pelajar at-Tabari. Beliau dianggap sebagai seorang doktor yang hebat pada zaman kegemilangan tamadun Islam.

Ar Razi menyembuhkan karies atau lubang gigi dengan mencelup bebola kapas dengan minyak mendidih dengan besi *cauterizing* khas ke dalam karies gigi.

Beliau juga memasukkan asafetida atau opiate ke dalam karies gigi. Beliau juga menggunakan pengisian camphor atau arsenik merah yang direbus dengan minyak ke dalam akar gigi.

Ar Razi juga mengesyorkan supaya kaedah daripada Galen dari Archigens yang membuka gigi dengan gerudi supaya dimodifikasi. Beliau juga mencadangkan supaya harus ditambah dengan memasukkan bebola kapas yang dicelup dengan minyak mendidih ke dalam lubang yang digerudi supaya meringankan kesakitan.

Beliau menulis lebih daripada 224 buah buku mengenai pelbagai subjek. Karya beliau yang paling penting ialah ensiklopedia perubatan yang dikenali sebagai Al-Hawi fi al-Tibb, yang dikenali di Eropah sebagai Liber Continens. Buku-bukunya dalam bidang perubatan, falsafah dan kimia telah banyak memberi kesan kepada tamadun manusia, terutamanya di Eropah. Sesetengah penulis menganggap beliau pakar perubatan Arab-Islam yang paling hebat dan salah seorang ilmuwan yang paling terkenal dengan kemanusiaan.

Ar Razi menggunakan sejarah kes secara meluas dalam penulisannya sebagai alat pendidikan dan sebagai dokumentasi pelbagai penyakit yang didiagnosis dan dirawatnya. Alvarez-Millan membincangkan huraian penyakit yang berlaku dalam Kitab al-Tajārib, koleksi sejarah kes terbesar dan tertua, setakat yang diketahui, dalam kesusastraan perubatan Islam zaman pertengahan.

Sumbangan Sarjana Islam dalam Bidang Pergigian

Oleh kerana Ar Razi adalah seorang penulis perubatan yang produktif, perbincangan itu termasuk kajian semula prinsip-prinsip perubatan dan terapeutik untuk menangani penyakit mata, seperti yang diterangkan dalam risalah yang dipelajarinya, dan perbandingan dengan terapi tersebut sebenarnya digunakan dalam amalan hariannya. Ar Razi juga turut dikenali dengan sumbangannya dalam bidang neurologi dan neuroanatomji.

Banyak lagi yang belum dibincangkan mengenai sumbangaan sarjana Islam yang hebat ini kepada bidang falsafah, kimia dan perubatan. Rencana yang sangat pendek ini tidak dapat menghuraikan kesemua sumbangaan Ar Razi kepada masyarakat. Semoga dengan bacaan ini dapat menaikkan semangat kita untuk menimba pelbagai ilmu dan kemahiran buat bekal kita di dunia dan akhirat. Semoga lebih banyak ilmu yang diperolehi, lebih banyak sumbangaan yang boleh kita beri kepada masyarakat. Amin.

Rujukan

1. Salma, Al Mahdi. Muslim Scholar Contribution in Restorative Dentistry. JISHIM 2003; 57-59, 2.
2. Samir S. Amr & Abdulghani Tbaki .Arab and Muslim Physicians and Scholars. Ann Saudi Med 2007; 27(4): 305-307.

Dr Mohamad Shahid Izani merupakan seorang doktor gigi yang aktif terlibat dengan PAPISMA. Beliau berasal dari Kelantan. Dilahirkan pada tahun 1990 dan sekarang berumur 33 tahun, Dr Shahid merupakan alumni program Sarjana Muda Pembedahan Pergigian, Fakulti Pergigian USIM. Beliau memulakan kerjaya sebagai First Year Dental Officer (FYDO) di Klinik Pergigian Gual Ipoh, Tanah Merah, Kelantan. Selepas itu beliau bertugas sebagai pegawai pergigian tetap di Klinik Pergigian Mama, Kota Bharu selama 2 tahun. Kini beliau merupakan CEO Syarikat Sofea Medident Sdn. Bhd. dan CEO Medismile Healthcare Sdn. Bhd. Atas kegigihan dan kerja keras beliau, kini beliau sudah mempunyai 22 cawangan klinik pergigian, 5 cawangan klinik perubatan, 1 klinik audiologi dan 2 buah spa. Selain itu, beliau juga memiliki klinik pergigian sendiri iaitu Klinik Pergigian Dr. Shahid di Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan.



IKON GIGI PAPISMA

MOHAMAD
DR SHAHID
IZANI

Beliau mempunyai visi untuk mengembangkan empayar klinik pergigian yang dimiliki untuk kebaikan dan kesejahteraan umat Islam melalui khidmat kesihatan pergigian. Beliau juga aktif menjalankan kerja-kerja kebajikan melalui PAPISMA.

Berikut adalah beberapa petua perniagaan pergigian yang dikongsikan beliau:

- 1) Berserah diri kepada Allah - Berdoalah kepada Allah dan memohon agar Dia memberikan kemudahan dan keberkatan dalam usaha anda untuk membuka klinik pergigian.
- 2) Mendapatkan ilmu yang mencukupi - Ilmu adalah kunci kejayaan. Anda harus memperoleh pengetahuan yang mencukupi tentang pergigian dan keperluan perniagaan, termasuk pengurusan kewangan dan pemasaran.
- 3) Berpegang kepada nilai-nilai Islam - Memiliki integriti dan akhlak yang tinggi adalah penting untuk menjaga reputasi klinik pergigian anda. Ingatlah untuk berpegang pada nilai-nilai Islam dalam menjalankan perniagaan, seperti berlaku jujur dan adil dalam semua urusan.
- 4) Menjalin hubungan baik dengan pelanggan - Hubungan baik dengan pelanggan dapat membantu memperluas jaringan dan meningkatkan reputasi klinik pergigian anda. Pastikan anda memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan bersikap profesional dalam semua interaksi dengan pelanggan.
- 5) Menjadi inovatif - Selalu mencari cara baru untuk meningkatkan perniagaan dan menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan. Mengembangkan strategi pemasaran yang efektif dan berinovasi dalam teknologi dan peralatan pergigian adalah beberapa cara untuk mencapai tujuan ini.
- 6) Menguruskan kewangan dengan bijak - Penting untuk menguruskan kewangan klinik pergigian anda dengan bijak. Pastikan anda mempunyai rekod kewangan yang teliti dan melakukan pengurusan kewangan yang berhemah.
- 7) Berusaha dengan gigih - Berusaha dengan gigih dan konsisten adalah penting untuk mencapai kejayaan. Anda mungkin akan menghadapi rintangan dalam perjalanan anda, tetapi ingatlah untuk tidak menyerah dan terus berusaha dengan tekun.

Semoga petua ini membantu anda dalam membangunkan klinik pergigian anda dan mencapai kejayaan yang diinginkan

Aktiviti DENTAL PAPISMA

31

DISEMBER

2022

Bachok, Kelantan



13
FEBRUARI
2023
Puchong, Selangor

Program “Gigi Saya Sihat bersama Dental PAPISMA” di SRITI Al Farouq Bandar Kinrara diwakili Prof. Madya Dr. Aspalilah Alias. Pelbagai aktiviti diadakan seperti demonstrasi memberus gigi, pemeriksaan gigi, kuiz, tayangan video dan latihan mencuci gigi.



MAJALAH AL-ASNAN EDISI RAMADHAN

Aktiviti DENTAL PAPISMA



15
FEBRUARI
2023
Kuala Lumpur

Program Penjagaan
Kesihatan Gigi di Stariy
Setiawangsa dan Wangsa Maju
bagi murid pra-sekolah bersama
Dental PAPISMA yang diwakili
oleh Dr. Muhd. Annurdin
Sabarudin.

18-19
FEBRUARI
2023
Pahang

Bengkel *Training of Trainers* (TOT) Dental PAPISMA telah berlangsung selama 2 hari di mana 4 orang penceramah telah berkongsi ilmu berkaitan pengurusan berorganisasi dalam NGO serta ahli Dental PAPISMA telah membuat perbincangan dan mengeluarkan resolusi dinamakan RESOLUSI BALOK DENTAL PAPISMA 2023.



Aktiviti DENTAL PAPISMA

17

FEBRUARI

2023

Kuantan, Pahang

Kolaborasi DENTAL PAPISMA dan Kulliyah of Dentistry (KOD) IIUM melalui pertemuan wakil Dental PAPISMA bersama Dekan, Timbalan Dekan (Prof. Dr. Zainul Ahmad Rajiun), serta timbalan-timbalan dekan KOD.

Dental PAPISMA diwakili Penasihat Dental PAPISMA Prof. Madya Dr. Aspalilah Alias, Pengurus Dr. Shahrul Ghazali, Dr. Nurin (Bendahari) serta Dr. Mohd. Fakhri Kamaruzaman (AJK Dental PAPISMA).



INFO MENARIK

5 FAKTA MENARIK GIGI SUSU

1

GIGI PERTAMA
TUMBUH BERMULA
USIA 6 BULAN



2

GIGI BAWAH TENGAH
AKAN TUMBUH
TERLEBIH DAHULU



3

GIGI PERTAMA YANG
AKAN TANGGAL



4

PEMBENTUKAN GIGI
SEJAK DARI DALAM
RAHIM



SAIZ LEBIH KECIL &
PUTIH DARI GIGI
KEKAL

5

PERTUBUHAN AMAL PERUBATAN IBNU SINA
MALAYSIA (PAPISMA)



Sumber gambar:
Internet

DENTAL PAPISMA



 Let's join our telegram group
for upcoming course update:
Dental PAPISMA Course Update

Dental PAPISMA Course Update

Courses



Sponsored by



Organised by:



DONE

A large red banner with white text. The word 'DRAFT' is at the top in a bold, sans-serif font. Below it, the word 'DONE' is written in a larger, stylized font with a dotted pattern. The banner has diagonal red stripes.

NDOP Prep Series

Tips & Tricks to Survive Hospital Attachment

COMING SOON

May 2023

Workshop Veneer/ FRC Bridge

COMING SOON

Orthodontic Seminar

**NDOP
Prep Series**

Career Pathway: How to Become a Specialist

COMING SOON

July 2023

NDOP Prep Series

Career Pathway in University

COMING SOON

September 2023

**NDOP
Prep Series**

Career Pathway in Private Sector

COMING SOON

COMING SOON

JUALAN BUKU!

Gigi
Anakku
Sihat



Ditulis oleh 11 orang penulis yang hebat.

Kenali struktur normal gigi dan mulut bagi kanak-kanak & dewasa

Ketahui penyakit gigi yang popular di kalangan kanak-kanak

Cara penjagaan gigi menurut Islam

Merungkai masalah dan rawatan gigi ketika berpuasa.

Dan banyak lagi!

RM25

TIDAK TERMASUK POS

**DAPATKAN
SEKARANG!**



SCAN ME



HUBUNGI KAMI: 018-907 8766 , 014-526 0266

COMING SOON..



NUSANTARA CONFERENCE

ON MEDICAL ISSUES
FROM ISLAMIC PERSPECTIVES

**"DRIVING SUSTAINABILITY OF MEDICINE :
DYNAMIC INTEGRATION OF MODERN
AND ISLAMIC MEDICINE"**



PRECONFERENCE
13TH OCTOBER 2023

CONFERENCE
14TH-15TH OCTOBER 2023



ALOR SETAR, KEDAH



PAPISMA CAWANGAN KEDAH

Tawaran istimewa! »

PEK KOMBO 4 SIRI MUTIARA HIKMAH



RM120
~~PEK LENGKAP
MUTIARA HIKMAH 1-4~~

RM100
**PEK LENGKAP
MUTIARA HIKMAH 1-4**

Untuk pembelian, hubungi:
014-8478497 Ruqayyah 011-55077598 Fasiyah
Atau email ke: warakwriterspoolpapisma@gmail.com

RUANG IKLAN DIBUKA

Promosi sempena pelancaran
majalah Al-Asnan edisi pertama

TAWARAN PAKEJ





Dr Nurin

019-2774294

Dr Mardziah

019-9563717

MOLAR

MUKA PENUH A4
RM1000

PREMOLAR

$\frac{1}{2}$ MUKA A4
RM500

KANIN

$\frac{1}{4}$ MUKA A4
RM300

INSISOR

$\frac{1}{8}$ MUKA A4
RM100